


Benteng pemecah ombak siap dibina



* Rozali menunjukkan benteng pemecah ombak yang siap dibina akhir Oktober lalu di Pantai Kuala Kemasik, Kemanan. [FOTO SHAMSUDIN HUSIN/BH]

» **Nelayan harap hakisan tidak berlaku pada musim tengkujuh**

Oleh Shamsudin Husin
bhkt@bh.com.my

► Chukai

Lebih 300 nelayan di Kuala Kemasik di sini, menarik nafas lega selepas benteng pemecah ombak sepanjang kira-kira 30 meter yang dibina Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) siap dibina.

Nelayan, Rozali Ismail, 55, ber-

kata benteng pemecah ombak itu dapat mengelak hakisan pantai disebabkan ombak besar.

Beliau berkata, hakisan pantai pernah terjadi pada musim lalu hingga menyebabkan jalan pantai berturap tar sepanjang 500 meter runtuh.

Katanya, penduduk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kemasik,

Ir Rosli Othman.

"Beliau membawa isu ini kepada pihak atasan bagi membolehkan benteng itu dibina segera bagi mengelak kejadian sama berulang.

Benteng jadi penyelamat

"Benteng ini juga menjadi penyelamat bangunan bangsal dan rumah tempat nelayan menyimpan hasil tangkapan sebelum dijual kepada pemborong, selain rumah penduduk berhampiran,"



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel suarakomuniti@bh.com.my

katanya ketika ditemui BH di Pantai Kuala Kemasik, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, daripada kejadian ombak besar melanda pantai itu pada November dan Disember tahun lalu, bukan saja jalan berturap tar yang runtuh, malah beberapa rumah penduduk turut rosak.

Seorang nelayan, Yahya Md Amin, 65, berkata sebelum ombak besar dan musim tengkujuh melanda, beliau berharap benteng pemecah ombak itu disambung pembinaannya kira-kira 30 meter lagi sebagaimana rancangan awal kerajaan negeri.

Kawasan pelindung nelayan

"Benteng terbabit bukan saja berfungsi sebagai pemecah ombak daripada menghakis pantai, malah ia turut dijadikan kawasan pelindung nelayan mendaratkan hasil tangkapan di Kuala Kemasik berhampiran benteng berkenaan," katanya.

Sementara itu, Rosli berkata, pembinaan benteng pemecah ombak berkenaan diharap dapat menyelamatkan rumah penduduk, bangsal dan rumah tempat menyimpan ikan nelayan di kawasan terbabit.